

27 FEB 1998

SULTAN BRUNEI TIBA UNTUK LAWATAN KERJA

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Sultan Brunei tiba di sini malam ini dalam rangka lawatan kerja singkat untuk menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membincangkan keadaan ekonomi dan kewangan serantau.

Sultan Hassanal Bolkiah yang tiba dengan pesawat khas di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang pada pukul 10.15 malam ini disambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Penasihat Ekonomi kepada Kerajaan, Tun Daim Zainuddin.

Turut mengiringi baginda dalam lawatan kali ini ialah adinda baginda, Pengiran Jefri Bolkiah yang juga Pengerusi Agensi Pelaburan Brunei serta pegawai-pegawai kanan kerajaan Brunei, iaitu Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kewangan Haji Yahaya Bakar, KSU Jabatan Perdana Menteri Haji Abdul Aziz Abdul Rahman dan KSU Kementerian Luar Lim Jock Seng.

Perbincangan antara Sultan Hassanal dan Dr Mahathir berkaitan soal menyelaraskan usaha-usaha menangani krisis ekonomi akan diadakan pada sebelah pagi esok, di hotel penginapan baginda.

Brunei telah bersetuju supaya negara-negara anggota Asean menggunakan mata wang masing-masing untuk berdagang sesama sendiri dan meningkatkan perdagangan serantau.

Sultan Hassanal kemudiannya akan dirai pada majlis santapan tengah hari sebelum berlepas pulang ke Bandar Seri Begawan pada petangnya.

Sebelum ini, kedua-dua pemimpin itu telah mengadakan perbincangan di Bandar Seri Begawan, ketika lawatan singkat Dr Mahathir ke Brunei pada 18 Feb lepas. -- BERNAMA

RAZ RI